

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI  
IBRAHIM**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9345**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]  
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat hari ini,  
berapakah statistik terkini penjenayah yang dikehendaki di seluruh  
negara dan apakah tindakan pihak berkuasa dalam menjelajah  
penjenayah-penjenayah ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Orang yang dikehendaki atau “wanted person” merupakan saspek utama atau mereka yang dipercayai boleh membantu dalam siasatan polis atas kesalahan jenayah atau kes kesalahan trafik yang telah dikenalpasti identitinya. Penama berkenaan akan disenaraihitam dalam Sistem Rekod Jenayah PDRM dan hanya akan dikeluarkan dari rekod setelah saspek berkenaan berjaya ditangkap atau siasatan telah selesai dan tidak lagi dikehendaki dalam siasatan polis.**

**Statistik orang yang dikehendaki bagi tahun tahun 2013 sehingga September 2016 mengikut Kontinjen Polis adalah seperti berikut:-**

BIL	KONTINJEN	2013	2014	2015	2016 (JAN-SEPT)	JUMLAH
1	PERLIS	68	50	73	148	339
2	KEDAH	477	619	1,143	909	3,148
3	PULAU PINANG	1,034	980	1,260	913	4,187
4	PERAK	979	867	1,277	1,221	4,344
5	SELANGOR	1,783	3,337	3,853	3,417	12,390
6	KUALA LUMPUR	1,243	1,220	2,471	2,732	7,666
7	N/SEMBILAN	754	611	1,008	1,246	3,619
8	MELAKA	384	325	523	630	1,862
9	JOHOR	1,353	1,633	2,735	3,429	9,150
10	PAHANG	1,139	884	980	895	3,898
11	TERENGGANU	429	298	245	256	1,228
12	KELANTAN	253	258	228	175	914
13	SABAH	106	121	160	177	564
14	SARAWAK	47	73	114	117	351
	JUMLAH	10,049	11,276	16,070	16,265	53,660

**Beberapa langkah telah dijalankan bagi mengesan dan menangkap orang yang dikehendaki di antaranya adalah seperti berikut:-**

- i. Melancarkan ‘Op Kesan’, di mana semua peringkat kontinjen dan daerah mengadakan operasi berkala bagi mengesan orang yang dikehendaki;**
- ii. Menjalankan pemeriksaan terhadap individu yang disyaki di pintu keluar/masuk sempadan negara, sekatan jalan raya, dan semasa rondaan Unit Rondaan Bermotosikal dengan menggunakan peralatan yang disambung terus ke Sistem Rekod Jenayah PDRM; dan**
- iii. Membuat hebahan menerusi media elektronik dan media cetak kepada orang awam bagi membantu mengesan penjenayah.**